

Ucapan Perasmian

**Yang Berhormat
Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof
Menteri Kerja Raya**

Majlis Pelancaran Hari QLASSIC 2017

**Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
21 Ogos 2017**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam Negaraku dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini sempena Hari QLASSIC atau QLASSIC Day.
2. Tahun ini merupakan kali keempat Hari QLASSIC dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia. Hari QLASSIC ini diadakan untuk meraikan kepentingan kualiti dalam sektor pembinaan. Saya berasa bangga dengan penyertaan yang lebih besar dan penglibatan aktif kesemua penggiat industri, dari sektor awam dan swasta untuk bersama-sama mempromosi dan meningkatkan tahap kualiti dalam industri pembinaan Malaysia.
3. Saya dimaklumkan pada hari ini kita akan memberi pengiktirafan kepada 27 pemaju, 31 kontraktor dan 32 arkitek yang terlibat di dalam sejumlah 43 projek pembinaan bangunan, yang telah berjaya memperolehi markah QLASSIC melebihi 80 peratus. Syabas saya ucapkan kepada semua. Pencapaian ini sememangnya seiring dengan aspirasi Kerajaan untuk memastikan bahawa projek-projek pembinaan yang dijalankan di Malaysia menepati standard atau piawaian yang diukur melalui mutu kerja yang tinggi berdasarkan panduan QLASSIC untuk mencapai "hasil kerja yang terunggul". Syabas dan tahniah saya ucapkan!

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Peningkatan kualiti secara berterusan dalam pembinaan adalah kritikal memandangkan industri pembinaan merupakan salah satu pemangkin utama dalam transformasi ekonomi negara. Hasil kerja binaan yang berkualiti tinggi mampu meningkatkan imej industri pembinaan negara dan secara tidak langsung dapat menarik pelaburan ke dalam negara dan seterusnya meningkatkan tahap sosioekonomi negara.
5. Jika kita melihat kepada kategori projek pembinaan pada dua tahun yang lepas, pembinaan bangunan merupakan projek yang paling banyak dilaksanakan. Pada tahun 2015, daripada 7,544 projek bernilai RM140.7 bilion yang dilaksanakan, 2,093 adalah projek kediaman, 2,692 adalah projek bukan kediaman, 726 adalah projek kemudahan sosial dan 2,033 adalah projek infrastruktur. Pada tahun 2016 pula, daripada 6,855 projek yang dilaksanakan, 1,854 adalah projek kediaman, 2,409 adalah projek bukan kediaman, 677 projek kemudahan sosial dan 1,915 projek infrastruktur.
6. Melalui angka ini dapat kita lihat bahawa potensi penggunaan QLASSIC di dalam projek pembinaan bangunan di Malaysia adalah sangat tinggi iaitu 4,785 pada 2015 dan 4,263 pada 2016, jika kita gabungkan jumlah projek kediaman dan bukan kediaman. Namun begitu, pada tahun 2015, hanya 270 projek yang telah dinilai dengan QLASSIC, manakala pada tahun 2016, sejumlah 311 projek yang telah dinilai. Biarpun jumlah projek yang dinilai kualitinya menggunakan QLASSIC bertambah dari tahun ke setahun, namun masih banyak yang perlu dilakukan bagi memastikan lebih ramai penggiat industri tampil untuk mendapatkan penilaian QLASSIC.
7. Saya difahamkan CIDB telahpun memulakan kempen mempromosikan QLASSIC kepada orang ramai terutamanya kepada bakal pembeli rumah melalui beberapa saluran radio popular pada waktu "drive time". Usaha ini penting untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai QLASSIC. Hasil yang kita sasarkan adalah semakin ramai bakal pembeli rumah dan pelabur hartanah akan memilih kediaman dan ruang serta bangunan pejabat yang telah dinilai oleh QLASSIC.

Jika permintaan ini tinggi, maka syarikat-syarikat pemaju tiada pilihan selain memenuhi kehendak pembeli rumah dengan menggunakan penilaian QLASSIC untuk projek-projek mereka. Strategi ini merupakan “market-driven approach”, di mana kita mendidik bakal pembeli rumah bagaimana untuk mendapatkan kualiti yang terbaik untuk rumah kediaman yang merupakan pelaburan terpenting dan tertinggi sepanjang hidup mereka.

8. Usaha promosi kepada bakal pembeli rumah ini di sokong pula dengan penerbitan buku panduan “Quality Guidebook for Homeowners”. Buku ini diterbitkan bagi memberi pencerahan mengenai apakah itu QLASSIC dan bagaimanakah penilaian QLASSIC itu dijalankan. Saya percaya bahawa orang ramai pasti akan menghargai buku ini kerana sebelum ini pengetahuan tersebut hanyalah terhad untuk pakar-pakar yang menjalankan penilaian QLASSIC. Sekiranya bakal pembeli rumah sendiri tahu bagaimana melihat kualiti hasil kerja binaan, sudah tentu “expectation” atau permintaan mereka mengenai kualiti akan turut meningkat. Buku ini boleh dimuat turun secara percuma melalui Laman Web CIDB bermula pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

9. Saya difahamkan CIDB juga sedang membina sebuah web portal QLASSIC sebagai sumber rujukan industri dan juga orang ramai mengenai QLASSIC dan juga projek-projek yang telah dinilai. Para penggiat industri boleh juga memohon secara online untuk membuat penilaian QLASSIC. Lebih penting lagi, portal ini kelak akan menyediakan beberapa aplikasi bagi membolehkan pengiraan markah QLASSIC dilakukan secara automatik oleh sistem. Ini akan meningkatkan integriti serta ketelusan di dalam pemarkahan QLASSIC. Melalui sistem ini juga sijil QLASSIC boleh terus dijana secara online dan dicetak mengikut keperluan.

Para hadirin sekalian,

10. Kebanyakan daripada projek-projek yang membuat penilaian QLASSIC pada masa ini adalah projek-projek kediaman dan juga bangunan komersial. Akan tetapi, saya merasakan projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti

sekolah, hospital dan universiti juga perlu menjadi peneraju di dalam meletakkan tanda aras kualiti untuk dicontohi. Oleh itu, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada tiga buah agensi kerajaan iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), yang bakal menerima Anugerah Pengiktirafan Istimewa pada hari ini di atas sokongan serta kerjasama mereka yang jitu di dalam pelaksanaan QLASSIC di dalam projek-projek kerajaan. Saya mengalu-alukan lebih banyak lagi agensi-agensi kerajaan untuk turut serta menyahut cabaran melaksanakan QLASSIC bagi projek-projek mereka. Saya pasti, CIDB akan membantu dengan memberi latihan kepada pegawai-pegawai yang terlibat untuk melaksanakan QLASSIC.

11. Saya percaya pendekatan promosi, pengiktirafan dan memberi galakkan, seperti yang dilakukan oleh CIDB ini akan dapat meningkatkan penggunaan QLASSIC sebagai kaedah penilaian kualiti di dalam projek-projek bangunan di seluruh negara. Kita mahukan QLASSIC itu menjadi sinonim dengan Kualiti di dalam pembinaan. Ini selaras dengan sasaran kita di dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) untuk Membudayakan Kualiti, Keselamatan dan Professionalism di dalam industri pembinaan. Sasaran ini hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama dan komitmen semua pihak, seperti yang disebut di dalam slogan CITP “Memacu Kecemerlangan Pembinaan Bersama.”
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penggiat industri yang telah berjaya mendapat markah tertinggi dalam penilaian QLASSIC. Saya berharap pencapaian anda pada hari ini akan menjadi pemangkin dalam menggalakkan peserta industri lain mengikuti laluan kepada standard kualiti pembinaan yang tinggi.
13. Dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya dengan suka citanya merasmikan Hari QLASSIC 2017.

14. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.